

**KENYATAAN MEDIA**

**KUALA LUMPUR (22 SEPTEMBER 2023)** – Pesuruhjaya Kanak-Kanak Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), Dr Farah Nini Dusuki, bimbang dengan insiden yang dilaporkan mengenai seorang pelajar mengalami kecederaan di mata akibat dirotan, berikutan guru ingin menangani salah laku pelajar tersebut. Insiden itu seharusnya menjadi satu peringatan kepada pihak kerajaan dan masyarakat sivil untuk mengubah pendirian terhadap hukuman rotan.

Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 dan Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil. 7/2003 mengenai garis panduan penggunaan hukuman rotan di sekolah hendaklah dipatuhi dan disebar luaskan kepada semua pelajar, guru dan ibu bapa. Sebarang hukuman rotan yang keterlaluan sehingga menyebabkan kecederaan kepada pelajar hendaklah mengakibatkan implikasi undang-undang yang termaktub dalam Seksyen 31 Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611], yang termasuk liabiliti denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit, atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun, atau kedua-duanya.

Walaupun bagaimanapun, adalah wajar untuk ditegaskan bahawa walaupun terdapat peraturan ketat ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berkenaan pelaksanaan hukuman rotan, namun wujud risiko untuk kemudaratan yang teruk berlaku jika pelaksana terbawa-bawa oleh emosi atau berlaku kecuiaan. Oleh yang demikian, terdapat keperluan mendesak untuk beralih kepada kaedah pengajaran dan keibubapaan tanpa kekerasan bagi mengurangkan sebarang kes bahaya dan kecederaan akibat daripada hukuman rotan.

Selain itu, KPM digesa untuk mempertimbang dan mengkaji semula pendiriannya terhadap hukuman rotan dan kemudaratan yang berkaitan dengannya. Sebarang bentuk hukuman ke atas kanak-kanak seharusnya mempunyai manfaat daripada pembedahan kesalahan yang dilakukan. Mendidik melalui ketakutan atau kesakitan telah terbukti mempunyai kesan negatif terhadap mental, fizikal dan harga diri pelajar. Pelajar harus memahami secara logik akibat dari salah laku mereka dan menyelesaikan sebarang konflik melalui proses dialog. Pihak Kerajaan amat digalakkan supaya proaktif dalam meneroka strategi disiplin alternatif untuk melindungi maruah pelajar dan memupuk rasa hormat, di samping menyubur kemahiran membuat keputusan sebagai satu bentuk perbaikan kepada disiplin pelajar.

**-TAMAT-**

**Dr Farah Nini Dusuki**  
**Pesuruhjaya Kanak-Kanak**  
**22 September 2023**